



SIARAN MEDIA

MEDIASI KOMUNITI DIPERKUKUH SEBAGAI TERAS PENGURUSAN KONFLIK AKAR UMBI

PUTRAJAYA, 6 April – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memperkasa dan **memperluas perkhidmatan mediasi komuniti** di seluruh negara sebagai **mekanisme utama dalam pengurusan isu perpaduan serta konflik di peringkat akar umbi**.

Perkhidmatan mediasi komuniti ini diperkenalkan bagi **mengurus konflik di peringkat kejiwaan secara lebih harmoni dan berkesan, sekali gus mengelakkan pertikaian daripada menjadi lebih besar tanpa perlu melalui proses litigasi perundangan**. Perkhidmatan ini juga ditawarkan secara *pro bono*. **Setakat ini, jumlah mediator bertauliah telah meningkat kepada 595 orang berbanding 571 sebelum ini**.

Dalam majlis perhimpunan bulanan pagi tadi, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mengumumkan tiga pendekatan utama iaitu :

Pertama, **pelancaran Handbook Kes-Kes Mediasi Komuniti** terbitan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Buku ini merupakan kompilasi kes-kes mediasi sebagai rujukan kepada mediator komuniti di lapangan, dengan tema “Mediator Komuniti Pemangkin Keharmonian Negara”. Ia merangkumi konsep, teknik serta kajian kes sebenar yang dibahagikan kepada:

- i. Sembilan (9) Kluster Konflik Komuniti: Kejiwaan, Hubungan Kekeluargaan, Harta Milik Bersama, Isu Keagamaan, Tanah, Alam Sekitar, Perjanjian dan Kontrak, Ubah Suai Bangunan serta Keselamatan; dan

- ii. Lima (5) Langkah Proses Mediasi: Bermula daripada Penyataan Pembukaan, Perbincangan Kali Pertama, Sesi Persendirian (caucus), Perbincangan Kali Kedua hingga ke fasa Penutup/Penyelesaian.

Kedua, JPNIN melalui **Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)** akan **memperkuh tadbir urus mediasi dengan mengusahakan pewujudan badan atau mekanisme akreditasi bagi pensijilan asas mediasi**. Inisiatif ini penting bagi memastikan kualiti perkhidmatan mediasi yang lebih terjamin, berstandard tinggi serta diiktiraf, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap peranan mediator dalam menangani isu perpaduan.

Ketiga, sebanyak 12 Pusat Mediasi Komuniti akan diwujudkan berbanding hanya 9 pusat ketika ini. Pusat-pusat ini akan **berperanan sebagai platform setempat untuk masyarakat mendapatkan khidmat mediasi secara mudah, cepat dan berkesan dalam menyelesaikan konflik komuniti**.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkuh perpaduan negara melalui pendekatan inklusif, proaktif dan berteraskan keharmonian komuniti.

Kementerian Perpaduan Negara

6 April 2026

KPN.100-9/1/16 (25)

